

# Pentadbiran Bagi Peranchangan dan Perlaksanaan

## I.—PENDAHULUAN

323. Tugas<sup>2</sup> pembangunan bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> Dasar Ekonomi Baharu yang di-terangkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua berkehendakkan langkah<sup>2</sup> yang tegas, berani dan berkesan untuk melichinkan perjalanan pentadbiran bagi peranchangan dan perlaksanaan. Langkah<sup>2</sup> tersebut adalah mustahak kerana beberapa perkara. Matlamat<sup>2</sup> Ranchangan ini ada-lah lebeh tinggi dari Ranchangan<sup>2</sup> yang lalu. Untuk menchapai kejayaan, perbelanjaan yang lebeh besar dari masa<sup>2</sup> yang lampau ada-lah di-perlukan. Ini berma'ana bahawa masaalah perlaksanaan akan bertambah. Tambahan pula banyak daripada projek<sup>2</sup> yang di-ranchangkan ada-lah baharu, baik dari segi tujuan mahu pun pada isi kandongan-nya, dan lagi projek<sup>2</sup> ini ada-lah lebeh sukar di-ranchang dan di-laksanakan. Banyak dari projek<sup>2</sup> ini bertujuan memberi hasil yang nyata bagi menambah penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra<sup>2</sup> yang lain dalam aktiviti<sup>2</sup> sektor moden.

324. Pengalaman dari Ranchangan Malaysia Pertama menunjukkan bahawa di-antara faktor<sup>2</sup> yang membatas jentera perlaksanaan Kerajaan ia-lah kekurangan keupayaan teknik dan pengurusan. Kajian sa-mula Ranchangan tersebut menunjukkan bahawa chara<sup>2</sup> urusan di-dalam Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan, termasok urusan kewangan dan akaun, dan penyelarasaran di-antara Jabatan<sup>2</sup> dan Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan dan Negeri, perlu di-perbaiki lagi sebelum ranchangan<sup>2</sup> pembangunan yang lebeh besar dapat di-laksanakan. Masaalah<sup>2</sup> ini perlu-lah di-atasi dalam masa permulaan Ranchangan Malaysia Kedua untuk menentukan supaya matlamat<sup>2</sup> besar Ranchangan tersebut dapat di-chapai. Kerajaan chukop sedar betapa perlu-nya keupayaan perlaksanaan itu di-tambah. Kerajaan telah menuahkan beberapa

jawatankuasa<sup>2</sup> khas di-bawah naungan Majlis Ekonomi Negara, untuk menyemak pengalaman<sup>2</sup> yang lalu di-dalam segi ini dengan sepenoh-nya dan menchadangkan langkah<sup>2</sup> untuk mempercepatkan perlaksanaan.

325. Perlaksanaan bukan-lah hanya sekadar menjalankan projek<sup>2</sup> dalam Ranchangan ini sahaja. Kerja<sup>2</sup> meranchang tidak seharus selesai dengan penerbitan Ranchangan sahaja. Sebalek-nya, tiap<sup>2</sup> jentera peranchangan Kerajaan harus sentiasa berjalan di-tiap<sup>2</sup> peringkat supaya ranchangan<sup>2</sup> umum, dasar<sup>2</sup> dan matlamat<sup>2</sup> dapat di-padatkan menjadi projek<sup>2</sup> dan ranchangan<sup>2</sup> yang tertentu.

## II.—ORGANISASI PERANCHANGAN

### 1. PERINGKAT PERSEKUTUAN

326. Usaha<sup>2</sup> menchari chara<sup>2</sup> yang berkesan bagi memupok perpaduan ra‘ayat dan menyusun sa-mula masharakat untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi telah di-jalankan oleh kesemua pehak Kerajaan. Dasar<sup>2</sup> dan ranchangan<sup>2</sup> Kerajaan yang lalu dalam kesemua bidang utama telah di-semak dengan sepenoh-nya. Panduan<sup>2</sup> kasar bagi merangka Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah terkandong dalam satu Arahan yang di-keluarkan oleh Pengarah Gerakan dan di-jelaskan dalam beberapa kertas<sup>2</sup> kerja. Chara<sup>2</sup> ini telah memberi kesan dan perasaan penyertaan kapada segenap lapisan Kerajaan di-dalam meranchang untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> yang sama.

327. Perhatian berat di-beri kapada masaalah<sup>2</sup> kemiskinan dan jurang perbezaan ekonomi antara kaum telah menyebabkan pindaan<sup>2</sup> dalam proses meranchang. Jabatan Perpaduan Negara (JPN), bersama<sup>2</sup> dengan badan<sup>2</sup> lain, telah memainkan peranan utama dalam menentukan matlamat<sup>2</sup> pembangunan ekonomi dan sosial. Tambahan lagi, hasil<sup>2</sup> perbinchangan Majlis Perundingan Negara dan Jawatankuasa Ekonomi-nya telah mewujudkan satu persetujuan negara mengenai beberapa langkah yang perlu untuk menentukan perpaduan ra‘ayat. JPN akan terus menjalankan penyelidekan dalam beberapa aspek perhubungan antara kaum dan menilai chara<sup>2</sup> untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi.

328. Kerja<sup>2</sup> meranchang ekonomi terus di-usahakan oleh Bahagian Peranchang Ekonomi (BPE). Dalam tugas ini BPE menyediakan perkhidmatan urusetia kepada Majlis Ekonomi Negara ia-itu satu badan yang di-anggotaï oleh Menteri<sup>2</sup> dan di-pengerusikan oleh Perdana Menteri. Selain dari itu, BPE menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Peranchang Pembangunan

Negara (JPPN), yang di-anggotaï oleh pegawai<sup>2</sup> kanan Kerajaan yang bertanggong-jawab bagi merangka, menyemak dari masa ka-semasa dan melaksanakan Ranchangan ini. Jawatankuasa Kechil Anggaran Perbelanjaan JPPN ada-lah bertanggong-jawab bagi mengkaji Anggaran Pembangunan dengan teliti. Dalam anggaran<sup>2</sup> ini perbelanjaan tahunan bagi pembangunan sektor awam di-tentukan. Jawatankuasa Kechil Piawaian dan Nilai Harga JPPN ada-lah bertanggong-jawab bagi merangka dan menyedia panduan<sup>2</sup> bagi reka-bentok projek<sup>2</sup> dan piawaian-nya untuk mengelakkan perbelanjaan membazir. Perkhidmatan urusetia bagi kedua<sup>2</sup> jawatankuasa kechil ini juga di-sediakan oleh BPE.

329. Tugas meranchang kegiatan pentadbiran dalam usaha<sup>2</sup> pembangunan ada-lah tanggong-jawab Bahagian Kemajuan Pentadbiran (BKP) dan Majlis Kemajuan Pentadbiran Negara. BKP memberi perkhidmatan urusetia kepada Majlis ini. Kerajaan sedar betapa mustahak-nya mengadakan pentadbiran yang berkesan, termasok latehan<sup>2</sup> kakitangan, kemajuan kerjaya dan memperbaiki urusan<sup>2</sup> kewangan dan kakitangan, untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> Ranchangan. Untuk menjayakan usaha ini, BKP telah di-susun sa-mula berchorak sektor menyamaï sektor<sup>2</sup> besar ekonomi negara, supaya semua usaha<sup>2</sup> memperbaiki jentera<sup>2</sup> Kerajaan dapat di-jalankan berasaskan sektor<sup>2</sup> ini. Bahagian Latehan dan Kemajuan Kerjaya telah juga di-tubohkan di-Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

330. Untuk menyokong kerja<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh badan<sup>2</sup> peranchang pusat, tindakan telah di-ambil bagi menuahkan yunit<sup>2</sup> peranchang dan penyelidekan di-beberapa Kementerian dan Jabatan yang penting. Pada masa ini yunit<sup>2</sup> tersebut telah pun di-tubohkan di-Perbendaharaan, Bank Negara dan Jabatan Kerja Raya, serta Kementerian<sup>2</sup> Pertanian dan Tanah, Pelajaran, Kesihatan dan Pengangkutan. Walau bagaimana pun, di-waktu ini badan<sup>2</sup> peranchang pusat dan yunit<sup>2</sup> peranchang di-Kementerian<sup>2</sup> adalah kekurangan kakitangan dan juga kemahiran yang tertentu. Keadaan ini boleh di-perbaiki hanya melalui latehan<sup>2</sup> yang bersungoh<sup>2</sup> bagi pegawai<sup>2</sup> Kerajaan di-bidang<sup>2</sup> yang berkaitan dengan peranchangan.

331. Perangkaan yang lengkap dan tepat meliputi kesemua aspek ekonomi ada-lah di-perlukan untuk merangka dan menilai ranchangan<sup>2</sup> pembangunan. Oleh itu, Kerajaan terus menjalankan usaha<sup>2</sup> bagi meluaskan keupayaan Jabatan Perangkaan. Jabatan tersebut sekarang menerima bantuan dari Ranchangan Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu (RPBB) berupa perkhidmatan nasehat peringkat tinggi serta latehan pegawai<sup>2</sup> profesional. Kebolehan memproses data di-Jabatan tersebut telah juga di-perbaiki dan

analisa data tersebut telah di-cheatkan dengan ada-nya alat memproses data otomatis yang di-beli dengan harga \$3 juta. Data<sup>2</sup> asas mengenai akaun negara dan imbangan pembayaran serta data<sup>2</sup> berkenaan dengan sektor<sup>2</sup> utama dalam ekonomi negara telah di-perbaiki. Data berkenaan dengan pendudok<sup>2</sup> dan tenaga ra'ayat akan juga di-perbaiki melalui analisa yang akan di-buat bagi matlamat<sup>2</sup> yang sudah pun di-kumpul melalui Banchi Pendudok tahun 1970. Banchi Pertanian akan di-jalankan dalam tempoh Ranchangan untuk mengumpul maklumat dalam berbagai aktiviti sektor ini.

332. Walau bagaimana pun, perlaksanaan tujuan<sup>2</sup> dan matlamat<sup>2</sup> Ranchangan ini ada-lah bergantong kepada pimpinan yang bijak dan chergas dari Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan.

## 2. PERINGKAT<sup>2</sup> NEGERI

333. Kejayaan ranchangan ada-lah bergantong kuat kepada aktiviti<sup>2</sup> Kerajaan Negeri. Banyak dari sumber<sup>2</sup> alam yang penting, terutama sekali tanah, hutan dan galian, ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Ranchangan ini memerlukan peranan Kerajaan Negeri yang lebeh luas dan dinamis untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> negara. Oleh itu kerjasama yang penoh di-antara Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan dan Negeri sangat-lah mustahak. Untuk memikul tanggong-jawab<sup>2</sup> ini dengan lebeh berkesan, Kerajaan<sup>2</sup> Negeri memerlukan pegawai<sup>2</sup> peranchang dan pentadbir yang lebeh terlateh, yang sedar akan tujuan<sup>2</sup> negara dan mempunyaï kebolehan untuk menggunakan puncha<sup>2</sup> pengeluaran negeri dengan sepenoh-nya dalam melaksanakan Ranchangan.

334. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah di-tubohkan bagi melaksanakan berbagai aktiviti<sup>2</sup> termasok perusahaan dan perdagangan serta perumahan dan juga ranchangan<sup>2</sup> pertanian. Aktiviti perbadanan<sup>2</sup> ini ada-lah mustahak terutama sekali dalam usaha<sup>2</sup> memodenkan kawasan<sup>2</sup> luar bandar dan menambahkan lagi penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dan kaum bumiputra<sup>2</sup> yang lain dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Perbadanan<sup>2</sup> Kemajuan Ekonomi Negeri di-Selangor dan Perak sudah tegap organisasi-nya sementara yang lain lagi maseh memerlukan bantuan untuk menambah keupayaan, terutama sekali bagi menyedia dan menilai projek<sup>2</sup> untuk pelaboran.

335. Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah<sup>2</sup> sesuai untuk membantu Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dalam usaha menuahkan yunit peranchang

dengan tujuan menambah keupayaan meranchang. Juga, satu Jawatankuasa Pusat telah di-tubohkan untuk menyelaras aktiviti<sup>2</sup> perbadanan<sup>2</sup> tersebut dan memberi bantuan dalam empat bidang penting:

- (i) memberi bantuan<sup>2</sup> kewangan dengan sharat<sup>2</sup> yang berpatutan;
- (ii) menyediakan perkhidmatan pakar<sup>2</sup> dalam menaksir pasaran dan menentu, menyedia dan menilai projek<sup>2</sup>;
- (iii) mengator latehan<sup>2</sup> bagi pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Negeri; dan
- (iv) menyelaras permohonan<sup>2</sup> bantuan dan kebendaan dari luar negeri.

336. Bantuan meranchang telah pun di-beri kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri melalui beberapa kajian pembangunan kawasan. Ranchangan<sup>2</sup> kawasan bagi Negeri<sup>2</sup> Trengganu dan Pulau Pinang telah pun siap di-susun, sementara kajian<sup>2</sup> pembangunan kawasan yang lebih besar di-Negeri<sup>2</sup> Johor, Pahang dan Sarawak sedang di-jalankan. Kajian ranchangan pembangunan untuk beberapa kawasan lain akan di-jalankan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Hingga ini kajian<sup>2</sup> yang lengkap telah di-jalankan oleh pakar<sup>2</sup> perunding dari luar negeri, tetapi beberapa pegawai tempatan telah bekerja rapat dengan mereka. Dengan ini banyak pengetahuan dan pengalaman telah di-perolehi dan seterusnya di-harap dapat di-gunakan dalam usaha meranchang di-masa<sup>2</sup> hadapan.

### III.—KEUPAYAAN MELAKSANAKAN RANCHANGAN

337. Dari pengalaman yang di-dapati dalam Ranchangan Malaysia Pertama nyata-lah bahawa satu daripada faktor<sup>2</sup> yang menghalang perlaksanaan dalam sektor awam ia-lah kekurangan kakitangan dalam bidang<sup>2</sup> teknik dan pengurusan. Kekurangan<sup>2</sup> ini ada-lah di-sebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang penting sekali ia-lah kesukaran dalam usaha mengambil pegawai<sup>2</sup> yang layak dan berpengalaman dan mengekalkan perkhidmatan<sup>2</sup> mereka di-dalam jawatan Kerajaan. Kekurangan pentadbir<sup>2</sup> yang berkebolehan dan kakitangan lain juga di-alami, oleh kerana perkhidmatan mereka sangat di-kehendaki di-sebabkan perkembangan ranchangan<sup>2</sup> perusahaan dan pertanian.

338. Untuk menjayakan ranchangan<sup>2</sup> di-sektor awam yang lebih besar dari Ranchangan<sup>2</sup> dahulu, perlu-lah masaalah kekurangan kakitangan ini di-atas. Sebagaimana di-terangkan di-atas, Ranchangan Malaysia Kedua memberi perhatian kepada usaha<sup>2</sup> mengurus dan melaksanakan projek<sup>2</sup> sektor awam yang berchorak baharu, yang banyak lagi memerlukan butir<sup>2</sup> yang lengkap untuk melaksanakan-nya. Salah satu daripada projek<sup>2</sup> ini

termasok projek<sup>2</sup> bagi mewujudkan satu golongan peniaga dan pengusaha Melayu, projek<sup>2</sup> perumahan dan pembaharuan bandar<sup>2</sup>, penubohan perusahaan<sup>2</sup> luar bandar dan ranchangan<sup>2</sup> lain yang melibatkan penyertaan Kerajaan sechara langsung. Ranchangan<sup>2</sup> ini memerlukan kakitangan tambahan yang ahli dalam bidang<sup>2</sup> ekonomi, teknik dan pengurusan yang memang terhad bilangan-nya dalam perkhidmatan awam.

339. Berbagai<sup>2</sup> unsur pembangunan ranchangan sektor awam akan tergendala di-sebabkan kekurangan kakitangan. Satu dari perkara yang penting dan memerlu pertimbangan ia-lah keupayaan JKR, satu badan yang di-tugaskan bagi menyelenggarakan pembinaan<sup>2</sup> Kerajaan. JKR di-tugaskan menyedia reka-bentuk, menyelia dan kerap kali pula membina jalan raya, sekolah<sup>2</sup>, hospital<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> awam yang lain. Oleh itu kekurangan kakitangan dan seterus-nya kelemahan<sup>2</sup> JKR pasti menyebabkan kelambatan perlaksanaan beberapa ranchangan<sup>2</sup> yang terlibat.

340. Dalam jangka panjang, masaalah kekurangan kakitangan dalam sektor awam dapat di-atasi melalui usaha menambah bilangan pekerja<sup>2</sup> yang terlateh di-negeri ini dengan menambah kemudahan<sup>2</sup> latehan teknik dalam negeri, dan memberi biasiswa<sup>2</sup> untuk latehan<sup>2</sup> teknik dan profesional di-dalam negeri atau pun di-seberang laut. Untuk menentukan supaya sektor awam dapat sa-bahagian daripada kakitangan yang terlateh, perlu-lah perkhidmatan awam di-jadikan lebih lumayan bagi pekerja<sup>2</sup> yang mempunyaï kemahiran pengurusan dan teknik yang ingin berkhidmat dengan Kerajaan. Tindakan sedang di-ambil untuk menchapai tujuan ini.

341. Untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> Ranchangan Malaysia Kedua, tindakan<sup>2</sup> jangka panjang mesti-lah di-bantu dengan langkah<sup>2</sup> jangka pendek. Tindakan<sup>2</sup> ini akan membolehkan bilangan buroh yang berkemahiran di-sektor awam di-tambah hingga bilangan mereka di-seluruh negara bertambah dengan kadar yang menchukopi. Pertama, peratoran<sup>2</sup> bagi mengambil kakitangan dalam perkhidmatan awam telah pun di-perbaiki hingga membolehkan pekerja<sup>2</sup> tempatan memenohi dengan chepat jawatan<sup>2</sup> yang maseh kosong. Kedua, kebolehan pehak swasta akan di-gunakan dengan lebih luas lagi untuk merangka dan menyelia beberapa projek yang dahulu-nya di-jalankan oleh JKR. Akhir sekali, kakitangan yang berpengalaman dan berkebolehan dari luar negeri akan di-ambil berkhidmat sechara kontrek dan juga melalui ranchangan<sup>2</sup> bantuan teknik.

342. Satu masaalah dalam perlaksanaan Ranchangan juga berpuncha dari peratoran<sup>2</sup> berkaitan dengan kawalan dan kebenaran menguntokkan perbelanjaan serta kelulusan projek<sup>2</sup>, pelan<sup>2</sup> lengkap dan tender<sup>2</sup>. Peratoran<sup>2</sup> ini

pernah menyebabkan kelambatan peruntukan wang dan perlaksanaan beberapa projek. Tindakan sedang di-ambil untuk menyemak peratoran<sup>2</sup> ini dan mengeluarkan arahan<sup>2</sup> baharu untuk memberi kuasa kepada Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup>. Satu daripada tindakan<sup>2</sup> yang telah di-ambil ia-lah pemberian kuasa kepada Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> untuk membolehkan peruntukan di-buat terlebih awal supaya projek<sup>2</sup> itu dapat di-laksanakan dengan lebih chepat.

343. Satu aspek penting dalam perlaksanaan Ranchangan ini ia-lah kecukupan organisasi dan peratoran<sup>2</sup> bekerja di-Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup>. Ada-lah mustahak organisasi dan peratoran<sup>2</sup> mengurus di-perbaiki supaya keputusan<sup>2</sup> dapat di-ambil dalam masa yang sengkat dan projek<sup>2</sup> dilaksanakan dan di-beri penyeliaan yang berkesan. Tanggong-jawab utama BKP ia-lah membantu Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> untuk memperbaiki sistem<sup>2</sup> pentadbiran dan mengambil sikap yang tegas dan lebih berkesan bagi menghadapi tugas<sup>2</sup> melaksanakan Ranchangan ini. Beberapa organisasi telah di-kaji oleh BKP dan shor<sup>2</sup> Bahagian ini telah dan sedang dilaksanakan. Kajian akan juga di-buat mengenai organisasi<sup>2</sup> yang penting untuk menentukan supaya organisasi<sup>2</sup> ini memberi pimpinan dan berpengaroh untuk menjayakan tugas masing<sup>2</sup>.

344. Jentera bagi melaksanakan Ranchangan Malaysia Kedua telah di-kuatkan lagi dengan penubohan satu Bahagian Perlaksanaan di-BPE, pembentukan Bahagian Peranchang ‘Am (BPA) dan penyusunan sa-mula BKP. Tanggong-jawab utama untuk mengawas kemajuan projek<sup>2</sup> Ranchangan ada-lah tugas Bahagian Perlaksanaan BPE, sementara BPA dan BKP akan lebih terlibat dalam usaha<sup>2</sup> lanjut mengkaji sa-mula jentera pentadbiran Kerajaan dan mengatasi masaalah<sup>2</sup> perlaksanaan yang tertentu.

#### **IV.—PEHAK SWASTA, RA‘AYAT DAN PEMBANGUNAN**

345. Kerjasama yang rapi di-antara Kerajaan, pehak swasta dan ra‘ayat di-perlukan supaya tujuan<sup>2</sup> dan matlamat<sup>2</sup> Ranchangan ini dapat di-chapai. Ranchangan ini tidak akan memberi kesan jika tujuan<sup>2</sup> dan matlamat<sup>2</sup>-nya tidak di-fahami oleh mereka yang terlibat dan jika tidak mendapat usaha<sup>2</sup> penoh dari semua pehak.

346. Hubongan rapat di-antara Kerajaan dan ra‘ayat harus di-pupok supaya persefahaman dan kerjasama saperti ini dapat di-ujudkan. Satu chara penting bagi memupok hubongan ini ia-lah melalui sibaran ‘am saperti radio, talivishen, surat khabar, majallah<sup>2</sup>, filem dan perkhidmatan

penerangan. Bagi menchapai matlamat perpaduan negara dengan membasi kemiskinan dan menyusun sa-mula masharakat untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi, Kerajaan memerlukan persafahaman dan sokongan ra'ayat melalui hubongan sibaran 'am. Sibaran 'am dapat menge-mukakan usul<sup>2</sup> pembangunan dan sambutan ra'ayat terhadap dasar<sup>2</sup> Kera-jaan. Usaha<sup>2</sup> ada-lah di-jalankan bagi memperbaiki kebolehan Kementerian Penerangan dan Penyiaran dalam perkara ini dan juga untuk mendapat kerjasama yang penoh dari pehak sibaran swasta.

347. Kerajaan sendiri sentiasa sedia menerima chadangan<sup>2</sup> yang membena dari mana<sup>2</sup> pehak. Ada beberapa chara chadangan<sup>2</sup> saperti ini boleh di-salor-kan. Selain dari jalan sibaran 'am, chadangan<sup>2</sup> dapat di-kemukakan melalui perbahathan<sup>2</sup> Parlimen, parti<sup>2</sup> politik dan pertubohan<sup>2</sup> sukarela saperti kumpulan<sup>2</sup> pekerja, petani<sup>2</sup>, peniaga<sup>2</sup> dan pembeli<sup>2</sup>. Ada kala-nya, Kerajaan sendiri mewujudkan jentera perundingan resmi, saperti Panel Penasehat Pehak Swasta kapada Jawatankuasa Penanaman modal. Samaada chara<sup>2</sup> resmi untuk pertukaran<sup>2</sup> fikiran itu sedia ada atau tidak, Kerajaan bersedia menerima, malahan menggalakkan pehak awam mengemukakan chadangan<sup>2</sup> yang membena.

348. Beberapa perubahan ada-lah di-ranchangkan untuk memperbaiki penyaloran maklumat<sup>2</sup> pembangunan sektor awam. Satu daripada langkah<sup>2</sup> utama ia-lah mengadakan sa-mula penerangan bulanan oleh Ketua Setia-usaha<sup>2</sup> Kementerian dan Ketua<sup>2</sup> Jabatan yang di-hadhiri oleh Perdana Menteri, Menteri<sup>2</sup> lain dan ahli<sup>2</sup> JPPN. Sistem maklumat<sup>2</sup> dan keterangan<sup>2</sup> di-Bilek Gerakan Negara, di-mana penerangan<sup>2</sup> ini di-adakan, akan di-perbaiki lagi. Usaha<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk membina satu bangunan baharu yang akan mengandungi satu Bilek Gerakan Negara yang lebeh besar dan juga satu Pusat Pameran di-mana kemajuan<sup>2</sup> projek<sup>2</sup> penting akan dapat di-tatapi oleh ra'ayat. Sistem bilek gerakan dan penerangan di-peringkat negeri dan daerah akan juga di-perbaiki.

349. Perubahan<sup>2</sup> sudah juga di-buat bagi peratoran<sup>2</sup> menyemak perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup>. Mulaï dari tahun 1970, kajian<sup>2</sup> ini di-jalankan bersama<sup>2</sup> oleh Perbendaharaan, BPE, BKP, JPA dan JPN. Kerja<sup>2</sup> bersama saperti ini ada-lah bertujuan untuk menyelaras pemberian peruntukan di-antara perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus, supaya peruntukan kewangan dan kakitangan bagi Jabatan<sup>2</sup> di-selaraskan serta menentukan bahawa ranchangan<sup>2</sup> yang di-jalankan itu ada-lah sesuai dengan tujuan<sup>2</sup> negara.

350. Peratoran<sup>2</sup> bagi menyemak belanjawan seperti ini telah di-ujudkan semenjak tiga tahun yang lalu. Sementara itu sistem akaun Kerajaan disemak dan di-pinda untuk memberi maklumat<sup>2</sup> yang lengkap dan awal, supaya pegawai<sup>2</sup> kanan lebih ma‘alom akan kejayaan ranchangan<sup>2</sup> di-bawah jagaan masing<sup>2</sup>. Perubahan ini akan memberi kesan yang tegas untuk memodenkan pengurusan kewangan dalam jentera Kerajaan pada keselurohan-nya. Untuk melaksanakan sistem ini dengan sepenoh-nya, ramai lagi pegawai<sup>2</sup> akaun di-ambil bertugas dan di-tambah dengan bantuan<sup>2</sup> dari luar negeri, apabila perlu.

351. Perkhidmatan awam sedang mengalami perubahan<sup>2</sup> pesat untuk memenuhi beberapa permintaan yang memerlukan timbangan dan pilehan<sup>2</sup> yang menasabah sebelum membuat keputusan. Ini menimbulkan keperluan bagi membaiki kemajuan kerjaya dan latehan pegawai<sup>2</sup> perkhidmatan awam dalam tugas<sup>2</sup> ‘am dan tugas<sup>2</sup> tertentu. Tugas ini di-serahkan kepada Bahagian Latehan dan Kemajuan Kerjaya yang baharu di-tubuhkan di-JPA. Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan, yang telah menjalankan ranchangan<sup>2</sup> latehan dalam perkhidmatan, akan di-perbesarkan menjadi Institiut Kemajuan Pentadbiran Negara. Institiut ini akan memberi latehan profesional dalam pentadbiran awam dan juga menjalankan penyelidikan mengenai masaalah<sup>2</sup> pentadbiran dalam proses pembangunan.